



Antarabangsa

Antarabangsa

Rajamangala University of Technology Srivijaya, Thailand di Anugerah Seri Gemilang UniMAP

Pada 12 hingga 13 Mac 2010 yang lalu, seramai 12 orang staf dan 27 orang pelajar dari Rajamangala University of Technology Srivijaya, Thailand telah mengadakan lawatan ke UniMAP. Tujuan utama lawatan tersebut adalah untuk membuat persembahan kebudayaan khas Thailand semasa Anugerah Seri Gemilang, UniMAP yang berlangsung di Dewan 2020 pada malam 12 Mac 2010.

Hubungan yang akrab antara kedua-dua pihak telah termeterai dan mencerminkan kerjasama yang kukuh dan erat di dalam pelbagai bidang sama ada akademik mahupun sosial. Pada sebelah petang sebelum berlangsungnya majlis tersebut, para delegasi telah mengadakan perlawanan badminton persahabatan dengan pelajar UniMAP di Kompleks Sukan Negeri Perlis.